

TARIKH: 6/8/23
SURAT KHABAR: Berita Harian (Amad)
MUKA SURAT: 15

PERKESO anjur program cegah kemalangan, promosi gaya hidup sihat

Sungai Petani: Program Advokasi Pencegahan Kemalangan dan Promosi Kesihatan anjuran Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempunyai objektif penganjuran yang cukup istimewa.

Program berkenaan dianjurkan dengan matlamat ke arah meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja terhadap pentingnya amalan budaya pencegahan kemalangan, selain mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan pekerja di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud, berkata sebagai antara komponen program Ops Cegah, PERKESO memberi tumpuan kepada pelaksanaan program pencegahan oleh majikan rentetan kadar kemalangan yang dikesan kekal tinggi pada 2022.

Beliau berkata, banyak usaha yang sudah dilaksanakan oleh pelbagai pihak, namun kadar kemalangan jalan raya yang

membabitkan pekerja terus meningkat setiap tahun.

“Berbanding 2021, terdapat peningkatan 38 peratus pada 2022.

“Ini menyaksikan peningkatan daripada 23,894 kes kepada 32,976 kes. Berdasarkan kes kematian yang direkodkan pada 2022, sebanyak 651 pekerja maut akibat kemalangan perjalanan, manakala 281 kes dicatatkan akibat kemalangan di tempat kerja,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Program Advokasi Pencegahan Kemalangan dan Promosi Kesihatan PERKESO 2023 di Lotus Stargate Sungai Petani.

Yang turut hadir, Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan PERKESO, Dr Azlan Darus dan Pengarah PERKESO Kedah, Rafidah Abdul Rahim.

Dalam pada itu, Mustapha berkata, sepanjang 2022, perbelanjaan PERKESO menerusi peruntukan faedah untuk kemalangan perjalanan yang mem-



Mustapha menukar minyak enjin motosikal pada Program Advokasi Pencegahan Kemalangan dan Promosi Kesihatan PERKESO 2023 di Lotus Stargate Sungai Petani, semalam. (Foto Syaharim Abidin/BH)

babitkan kematian, hilang upaya dan kecederaan kepada pekerja dianggarkan kira-kira RM700 juta.

Beri impak psikososial

Katanya, jumlah itu dilihat cukup besar, tetapi yang lebih mendukacitakan apabila ia turut memberi impak psikososial yang lain kepada masyarakat.

“Kejadian seperti hilang ahli keluarga, orang yang tersayang, rakan sekerja dan sebagainya cukup menyedihkan kerana ke-

hilangan ini tidak dapat diganti dengan wang ringgit,” katanya.

“Ia tidak termasuk kerugian dari segi ekonomi dan produktiviti, termasuk kepada majikan,” katanya.

Beliau berkata, program yang dilaksanakan antara PERKESO dengan kerjasama rakan strategik yang terdiri daripada semua majikan di seluruh negara, adalah bersandarkan matlamat ke arah mencapai sasaran menurunkan kadar kemalangan dalam kalangan majikan yang

dikenal pasti ini.

“Inisiatif program ini juga turut memberi tumpuan kepada kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan jalan raya atau kawasan *black spot* Polis Diraja Malaysia (PDRM),” katanya.

Dalam pada itu, Mustapha berkata, jumlah pencarum yang aktif di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di seluruh negara adalah 681,851 orang, dengan 46,349 adalah pencarum di Kedah.

Berita Harian (Amad)
6/8/23
MS 15